

Seruan Pope Paul:

# Jawapan al-Mawdudi kepada Seruan Pope Paul

Pope Paul telah mengutus beberapa pucuk surat berupa “seruan” kepada ketua-ketua agama yang terkenal di seluruh dunia pada bulan yang lalu, menyeru mereka menjadikan hari yang pertama “Tahun Baharu” pada tiap-tiap tahun sebagai “Hari Keamanan”. Surat seruan itu juga telah dikirim kepada *Faḍīlah al-Ustādh* Abu al-A‘la al-Mawdudi – seorang ulama, pejuang dan penulis Islam yang terkemuka di Pakistan, dan juga sebagai seorang pemimpin “*al-Jamā‘ah al-Islāmiyyah*” di sana, yang mana kemudiannya seruan itu telah dijawab olehnya dengan membentangkan satu persatu tentang kecurangan-kecurangan yang dilakukan oleh penganut-penganut agama Kristian terhadap agama Islam, Nabi Islam dan penganut-penganut Islam.

Terlebih dahulu – di bawah ini – kita hidangkan kepada pada pembaca sekalian ringkasan surat seruan Pope Paul yang telah dikirimnya kepada ketua-ketua agama di seluruh dunia. Surat seruan itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh: Khalil Ahmad al-Hamidi – Pengarah *Dār al-‘Arabah li al-Da‘wah al-Islāmiyyah* – Lahore, Pakistan.

- Pengarang.

Terjemahan ke bahasa Melayu oleh: Abdul Aziz al-Mursyidi

## Ringkasan surat seruan

### Pope Paul : (Pope Paul)

“Kami berucap kepada sekalian manusia yang soleh (baik) di seluruh dunia dan menyeru mereka itu supaya menjadikan awal haribulan Januari: Permulaan tahun baharu sebagai Hari Keamanan. Kami percaya bahawa seluruh umat manusia, persatuan-persatuan agama di seluruh dunia *international*, pergerakan-pergerakan politik dan badan-badan kemajuan sosial yang cintakan perdamaian dunia akan bekerjasama dalam melaksanakan tujuan ini dengan menanamkan ke dalam jiwa mereka pada masa sekarang betapa pentingnya menciptakan keamanan dan sebagaimana besarnya bahaya-bahaya yang sedang mengancam keamanan . . . .

Ranjau-ranjau yang menghalangi terciptanya keamanan itu wajiblah dibasmi,

satu di antara cara-cara membasminya ialah mempereratkan perhubungan di antara umat manusia di seluruh dunia, hingga setengah-setengah negeri tidak merasakan bahawa ia tidak mendapat hak yang sama untuk hidup secara hormat dan mulia. Dengan sebab tanpa adanya pengiktirafan di atas hak mereka itu, ini yang menyebabkan kehidupan mereka menjadi kucar-kacir, dengan meletakkan kepala-kepala mereka di atas tapak tangan mereka, akhirnya mereka terpaksa mencari jalan yang tidak hormat, berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Mereka dipengaruhi oleh fikiran-fikiran yang mengatakan bahawa menyelesaikan sesuatu pertikaian antarabangsa dengan secara adil dan mencari jalan yang waras dengan mengadakan perundingan-perundingan itu adalah mustahil dapat diwujudkan, bagi menghapuskan pertikaian-pertikaian tersebut tiada lain jalan

selain daripada kembali kepada (hakim senjata) dengan menggunakan berbagai-bagai alat-alat pembunuh yang akan menumpahkan darah manusia . . .

Oleh itu, demi untuk mewujudkan keamanan dan membina kehidupan yang sejahtera kita mestilah memberi pimpinan kepada “angkatan baru” menuju ke arah suatu penghidupan yang berdasarkan tolak ansur, persaudaraan dan tolong-menolong yang lebih luas meliputi segenap negara-negara di dunia. Keamanan mustahil akan tercapai selagi manusia berselindung di sebalik kata-kata propaganda yang kosong, propaganda-propaganda yang kosong itu membawa kepada kemusnahan dan kehancuran, lantaran ia mudah mempengaruhi hati-hati manusia yang kotor, ia sebagai sehelai kain

## Seruan Pope Paul.

tirai yang menutupi sifat-sifat keikhlasan dan kejujuran, malahan kadang kala ia merupakan suatu jalan yang akan menjerumuskan manusia ke jurang perbalahan dan permusuhan. Selagi perkara ini tidak dapat dihapuskan, selama itulah negara-negara di dunia tidak dapat mempersatukan tujuan, selama itulah pemerintah dan rakyat tidak bersefahaman untuk mewujudkan perasaan bertimbang rasa, berkasih-kasih, ikhlas dan adil di antara satu sama lain, selama itulah umat manusia tidak akan mencapai kemerdekaan berfikir, kemerdekaan bekerja di dalam segenap lapangan hidup berkemajuan, di lapangan moral dan agama, cita-cita mereka untuk menegakkan keamanan akan menjadi suatu impian dan angan-angan yang tidak mempunyai tujuan. Kalau bentuk keamanan dan peraturan undang-undang itu ditegakkan dengan secara kekerasan dan meninggalkan syarat-syarat yang terpenting bagi membina keamanan dan kemerdekaan hidup, maka sudah tentu pemberontakan dan peperangan akan terus berlaku dengan tidak berkesudahan.

### Jawapan dari

**Faḍīlah al-Ustādh al-Mawduḍī**

**di atas seruan Pope Paul**

*Bismi Allāh al-Raḥman al-Raḥīm*

Telah sampai kepada saya dengan perantaraan Dr. R. I. Butler Pengurus (Loyola Hall) di Lahore surat seruan daripada tuan dengan penuh penghargaan. Di dalam surat itu

tuan telah menyeru pengikut-pengikut (penganut) agama-agama yang terkenal dan seluruh manusia yang berniat baik di seantero alam termasuk pengikut-pengikut Gereja *Catholic*, supaya mereka menjadikan awal tahun baharu *Milādiyyah* sebagai Hari Keamanan. Adalah saya berkewajipan untuk menulis kepada tuan bagi menyatakan pendapat-pendapat saya berhubung dengan surat ini pada waktunya, sekalipun pekerjaan-pekerjaan baharu tidak pernah saya lakukan di sepanjang bulan Ramaḍān dan hari raya Aidil Fitri. Inilah saya berbicara dengan tuan pada waktu yang sangat bersuaian:

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tuan atas usaha tuan menyeru sekalian penghuni alam kepada satu tujuan yang mereka sekalian akan turut bertindak membuka topeng-topeng yang merupakan ranjau di dalam melaksanakan tujuan ini.

Sesungguhnya keamanan itu adalah cita-cita asasi yang di atasnya terdiri kebahagiaan seluruh manusia, hakikat ini tak dapat disangkal oleh sesiapa jua pun. Tetapi sebab-sebab yang membawa kepada gagalannya manusia sampai kepada tujuan ini, sama dengan sebab-sebab yang telah dilakukan oleh orang-orang dahulu kala sebagaimana yang telah tuan bentangkan. Saya berpendapat: Selagi sebab-sebab ini tidak ditentang habis-habisan, selama itulah nikmat keamanan dunia tidak akan tercapai. Oleh itu saya memandang dalam perkara ini: Hendaklah kita menjaga diri perseorangan, menjaga sesuatu umat dan menjaga kumpulan-kumpulan yang beragama dengan mengamalkan niat yang baik, jujur, ikhlas serta amanah sambil memperhatikan: Apakah kesalahan

dirinya yang membawa kepada anak cucunya? Yaitu pada akhirnya mereka tidak dapat mengecap nikmat hidup di dalam suasana yang aman damai, sekalipun mereka menghabiskan tenaga untuk melawan dan merobohkannya. Begitu pula wajiblah bagi kita menjaga dari apa yang dipandang menyinggung dan merosakkan kehormatannya, dengan secara berterus-terang dan dengan maksud membina, bukan dengan maksud menimbulkan kemarahan dan persengketaan, supaya golongan yang tidak disinggung itu tidak pula menyinggung golongan yang lain.

Dengan maksud yang sama saya suka supaya tuan mengambil perhatian dalam beberapa perkara yang menyebabkan orang-orang Islam dan orang-orang Kristian memandang serong di antara satu sama lain, mudah-mudahan perkara-perkara ini akan dapat tuan perbaiki dengan menggunakan jasa baik tuan yang mempunyai pengaruh besar di kalangan penganut-penganut agama Kristian di alam Masihi, sebagai sifat tuan seorang pemimpin besar bagi Gereja *Catholic*. Tugas saya pula sebagai seorang Islam, saya bersedia mengalu-alukan sebarang pengaduan yang dimajukan oleh penganut-penganut Kristian, sekiranya mereka dapati perangai kami penganut-penganut Islam terhadap mereka agak kurang menyenangkan dengan syarat pengaduan-pengaduan tersebut hendaklah berdasarkan sebab-sebab yang diterima oleh akal, kami berjanji pengaduan-pengaduan itu tidak akan kami simpan malahan akan kami usahakan untuk mengatasinya dengan izin Allah. Jalan yang membolehkan kami memberikan tenaga kerjasama bagi mewujudkan keamanan dan membina suasana damai

## Seruan Pope Paul.

di seantero dunia, tidak lain ialah di antara satu sama lain mengamalkan dasar keadilan atau mengelakkan daripada menyinggung hak mutlak masing-masing, paling kurang menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan dan kata-kata yang menyinggung perasaan.

Adapun perkara-perkara yang dijadikan pengaduan oleh orang-orang Islam, bukan sahaja dari satu negeri atau suatu umat, tetapi pengaduan-pengaduan itu datangnya dari seluruh umat Islam di seantero dunia. Kepada penganut-penganut Kristian suka saya membentangkan perkara-perkara itu di sini dengan secara jujur dan berterus-terang.

1. Orang-orang Islam sangat terharu dan perasaan mereka tersinggung daripada “serangan-serangan” dan kata nista dihadapkan oleh para ulama Kristian terhadap Nabi kami Saiyidina Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, terhadap al-Qur’ān dan agama Islam di dalam buku-buku karangan mereka dan dalam ucapan-ucapan pidato mereka. Sengaja saya katakan kalimah “serangan” supaya tidak berlaku salah faham di dalam pengaduan yang kami kemukakan, meskipun pengaduan-pengaduan tersebut merupakan kritik secara ilmiah yang diterima oleh akal fikiran yang waras. Kami sedia menerima kritik-kritik ilmiah yang berdasarkan dalil-dalil yang nyata, berdasarkan penghormatan yang tidak menyinggung perasaan, sekalipun kritik-kritik itu merupakan penentangan-penentangan yang hebat-hebat malahan kami akan menyambut dengan dada yang terbuka segala kritik-kritik yang

berdasarkan ilmiah dan bersedia menghadapi dengan secara hormat – dalil berlawan dalil – tetapi yang kami adukan kepada tuan dengan berterus-terang ialah “serangan-serangan” yang ditujukan kepada kemuliaan Nabi kami, kesucian Kitab kami dan Agama kami yang mana “serangan-serangan” itu mengandungi kata nista biadab dan tuduhan-tuduhan palsu yang menyakitkan hati dan menyentuh kehormatan. Hingga sekarang “serangan-serangan” yang serupa itu masih terus berlaku dengan berleluasa. Adapun orang-orang Islam mereka tetap menghormati dan memuliakan peribadi Siti Maryam dan Nabi Isa *‘alayhimā al-salām*.

Kami menganggap dari segi kepercayaan kami, bahawa setiap kata-kata yang menyentuh kehormatan dan kesucian Islam, Nabi Islam, Kitab Islam adalah salah dan merupakan suatu penghinaan. Tuan sendiri tidak akan dapati satu jumlah atau satu kalimah kata pun dari orang-orang Islam yang melakukan kebiadaban mengecam atau menghina peribadi Saiyidina al-Masih (Nabi Isa) dan ibunya Siti Maryam *alayhimā al-salām* yang bersifat benar itu, sekalipun kami tidak mempercayai akan sifat ketuhanan al-Masih ibn Maryam itu, lantaran kami hanya mempercayai sifat kenabian dan kerasulan Saiyidina Isa *‘alayhi al-salām* sebagaimana kami mempercayai sifat kenabian dan kerasulan Saiyidina Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Seorang Islam itu tidak dinamakan ia “Muslim” melainkan ia percaya kepada Nabi Isa dan lain-lain nabi *‘alayhim al-salām* sebagaimana ia percaya kepada Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Dan juga kami tidak

menganggap bahawa al-Qur’ān itulah sahaja kitab yang diturunkan Allah dari langit, malahan kami percaya bahawa kitab Taurat dan Injil itu juga adalah di antara kitab-kitab suci yang diturunkan Allah dari langit, oleh itu tidak seorang pun di antara orang-orang Islam yang mahu menghina dan memperolok-olokkan kitab-kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah itu. Kami ketika membahas dan menganalisa soal ini, kami tidak akan membahas melainkan dari segi benar tidaknya segala kandungan yang tercatat di dalam kitab-kitab suci itu pada bentuknya yang sekarang ini. Soal ini telah dibahaskan juga oleh para ulama Kristian sendiri.

Orang-orang Islam tidak seorang pun yang berani mengingkari bahawasanya Allah Ta’ālā telah menurunkan wahyu kepada Saiyidina Musa, Isa dan sekalian para *anbiyā’ ‘alayhim al-salām* sebagaimana yang tercatat kisahnya di dalam kitab-kitab suci. Orang-orang Islam pada hari ini sekalipun mereka tidak mengakui akan kebenaran kitab suci Injil dalam bentuknya yang ada sekarang, tetapi mereka tidak sekali-kali menafikan bahawa kitab Injil dalam bentuk asalnya adalah wahyu yang diturunkan Allah pada keseluruhannya. Oleh itu orang-orang Kristian tidaklah patut menuduh bahawa kami orang-orang Islam telah melakukan sebarang penghinaan terhadap nabi-nabi dan kitab-kitab suci mereka.

Sebaliknya kami orang-orang Islamlah dari sejak beberapa kurun, selalu dihina dan diserang dengan hebatnya oleh penulis-penulis dan jago-jago pidato

## Seruan Pope Paul.

Kristian di dalam buku-buku dan pidato-pidato mereka. Kemuliaan peribadi Nabi kami diperhina, kesucian kitab al-Qur'an dinodai dan agama kami dikata nista dengan tak berhenti-hentinya. Perbuatan-perbuatan inilah yang menjadikan sebab yang terutama sekali mengapa perhubungan di antara orang-orang Islam dengan orang-orang Kristian semakin bertambah buruk, daripada perbuatan-perbuatan inilah juga timbulnya perasaan dendam dan benci-membenci di antara kedua belah pihak, *di'ayah-da'ayah* palsu yang terbit dari hati keseluruhan penganut-penganut Kristian jugalah yang menimbulkan bibit-bibit permusuhan mereka terhadap penganut-penganut Islam.

Sesungguhnya tuan akan dianggap seorang ketua agama yang memberikan perkhidmatan yang agung bagi mewujudkan keamanan dunia, sekiranya lebih dahulu tuan dapat menasihati pengikut-pengikut agama Kristian dan memperbaiki akhlak dan moral mereka terhadap orang-orang Islam, dengan itu sekurang-kurangnya perasaan benci mereka terhadap orang-orang Islam itu dapat dibatasi.

2. *Di'ayah-di'ayah* kotor yang selalu digunakan oleh rombongan pengembang agama Kristian di dalam negara-negara Islam dari sejak beberapa zaman, ini juga menyebabkan orang-orang Islam memandang serong terhadap orang-orang Kristian. Kami tidak akan campur tangan untuk mengkritik perbuatan-perbuatan mereka mengembangkan *di'ayah* Kristian di dalam negeri-negeri yang penduduknya bukan terdiri dari

orang-orang Islam. Hanya yang mahu kami perkatakan ialah cara-cara mereka menjalankan *di'ayah-di'ayah* agama mereka di dalam negeri-negeri Islam yang mana penduduk-penduduknya terdiri daripada orang-orang Islam. Ini memang telah kami persaksikan dengan mata kepala kami sendiri.

Mereka – pengembang-pengembang agama Kristian – itu sewaktu menjalankan tugas mereka bukan hanya terbatas di lapangan “*di'ayah-di'ayah*” sahaja, malahan tugas-tugas yang mereka jalankan itu sampai melampaui had. Mereka menyeleweng dari peraturan-peraturan yang ditentukan. Mereka gunakan cara-cara menekan dasar politik, monopoli ekonomi anak negeri, meruntuhkan moral dan memesonkan kepercayaan muda-mudi Islam yang masih mentah dalam soal agama mereka melalui pendidikan-pendidikan di sekolah. Cara ini adalah melanggar tata tertib mengembangkan sesuatu agama.

Di sebahagian besar daripada Benua Afrika yang masih dikelubungi oleh suasana kejahilan itu mereka menyekat orang-orang Islam mempelajari hukum-hukum agama yang mereka anuti dengan perantaraan kuasa penjajah yang terdiri daripada orang-orang Kristian sendiri. Pintu-pintu sekolah ditutup di hadapan muka orang-orang yang tidak mahu menganut agama Kristian atau orang-orang yang tidak mahu menukar nama-nama Islam mereka kepada nama-nama Kristian. Sebilangan kecil daripada penganut-penganut Kristian yang memegang teraju pemerintahan di dalam kebanyakan negeri-negeri di Afrika yang sebilangan besar penduduk-penduduknya terdiri daripada orang-orang Islam telah menggunakan cara-cara tekanan di lapangan politik, ketenteraan dan

ekonomi ke atas mereka. Inilah permusuhan yang nyata sekali yang sedang dijalankan oleh pengembang-pengembang agama Kristian di dalam negeri-negeri Afrika terhadap orang-orang Islam di sana.

Kawasan-kawasan yang terletak di selatan negeri Sudan dijadikan “kubu” bagi menjalankan *di'ayah-di'ayah* Kristian di bawah perlindungan penjajah Inggeris, perkembangan ilmu pengetahuan dan *di'ayah-di'ayah* agama di kawasan itu adalah diawasi oleh suatu lembaga pergerakan Kristian, sedang orang-orang Islam ditegah masuk ke dalam kawasan itu sekalipun tujuan mereka hendak masuk ke sana bukan untuk mengembangkan ajaran-ajaran agama Islam.

Hampir-hampir saya tak faham: Dengan dalil apa mereka menggunakan cara-cara yang kotor ini untuk memperkembangkan sesuatu agama? Dalam negeri kami, kami dapat menyaksikan apa yang dilakukan di dalam hospital-hospital dan yayasan-yayasan pelajaran yang didirikan oleh badan-badan pengembang agama Kristian. Siyasa mereka itu diketahui oleh semua golongan masyarakat Islam, sama ada yang jauh mahupun yang dekat.

Umpamanya: Mereka mengenakan bayaran-bayaran yang besar kepada orang-orang sakit atau pelajar-pelajar Islam, sedangkan mereka-mereka yang menganut agama Kristian segala kemudahan diberikan kepada mereka di lapangan perubatan dan pelajaran – sama ada dengan percuma ataupun dikenakan pembayaran yang paling rendah. Nyatalah bahawa cara yang demikian itu bukanlah merupakan suatu cara untuk mencari pengaruh memperkembangkan suatu agama, malahan cara itu adalah untuk

## Seruan Pope Paul.

memperjual-belikan peribadi dan iman seseorang.

Suatu cara yang lain, ada di antara yayasan pelajaran cabang daripada badan-badan pengembang agama Kristian di dalam negeri kami yang cuba mempengaruhi muda-mudi angkatan baharu supaya mereka menjadi suatu angkatan yang tidak percayakan sesuatu agama – tak percayakan agama Kristian dan menjauhi agama Islam. Di lapangan pendidikan mereka gunakan unsur-unsur asing yang merosakkan akhlak, menukar cara hidup, mendewa-dewakan bahasa Barat di dalam kehidupan mereka sehari-hari. Di lapangan agama mereka tanamkan ke dalam jiwa kanak-kanak yang masih mentah supaya mereka itu cenderung kepada fahaman *al-ilhād (asitheism<sup>1</sup>)* yang tidak percayakan segala agama di dunia ini. Adakah sesuatu golongan yang dinamakan orang berakal sanggup melakukan perkhidmatan terhadap sesuatu agama untuk menentang agama lain?

Inilah sebab-sebab utama yang menjadikan orang-orang Islam tidak menganggap baik dan memandang serong terhadap badan-badan pengembang agama Kristian yang berada di dalam negara-negara Islam. Mereka tidak percaya itu adalah suatu badan pengembang agama, tetapi mereka menganggap itu adalah suatu perbuatan subversif dan provokasi yang membahayakan Islam dan masyarakat Islam.

Saya berharap agar tuan sudi memikirkan akibat buruk

dari perbuatan-perbuatan salah yang dilakukan oleh badan-badan pengembang agama tuan itu. Cubalah dengan sedaya upaya, dengan mempergunakan perkhidmatan dari kekuasaan yang berada di tangan tuan untuk memperbaiki hal ini supaya badan-badan pengembang agama tuan dapat melaksanakan tugas-tugasnya mengikuti saluran-saluran yang terhormat dan mulia di lapangan dakwah dan tabligh.

3. Di sana didapati suatu perasaan dukacita yang terperam di lubuk hati keseluruhan orang-orang Muslimin terhadap alam Kristian. Mereka mengetahui bahawa dunia Kristian sentiasa menyimpan perasaan dendam yang tidak berkesudahan terhadap Islam dan seluruh kaum Muslimin. Pengalaman-pengalaman yang telah kami lalui di antara suatu masa ke suatu masa membuktikan perasaan dendam kesumat ini dengan sedalam-dalamnya. Setengah daripadanya apa yang kami persaksikan pada masa-masa yang akhir-akhir ini setelah menyalanya api peperangan di antara orang-orang Arab dengan orang-orang Yahudi. Kegembiraan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk di benua Eropah dan Amerika di atas kemenangan tentera-tentera Israel di dalam peperangan tersebut, adalah meninggalkan kesan yang buruk dan melukakan perasaan orang-orang Islam di santero dunia. Hampir-hampir semua negara Islam dapat menyaksikan betapa gembiranya dunia Kristian menyambut dan merayakan hari kemenangan tentera-tentera Israel di atas tentera-tentera Arab itu. Ini sudah menjadi suatu kenyataan yang terang sekali betapa mendalamnya perasaan dendam dan permusuhan yang tertanam di dalam jiwa orang-orang

Kristian terhadap agama Islam dan orang-orang Muslimin.

Cara-cara tegaknya atau ditegakkan kerajaan Israel di atas dataran bumi Palestin adalah suatu sejarah pahit yang tidak boleh dilupakan sama sekali oleh orang-orang Islam. Orang-orang Arab telah bermastautin di Palestin sejak dari dua ribu tahun yang silam, sedang nisbah bilangan orang-orang Yahudi yang bermukim di negeri itu pada awal abad yang kedua puluh ini tidak lebih daripada 8%. Kemudian datanglah orang-orang Inggeris menguasai bumi Arab yang bersejarah itu. Tidak berapa lama antaranya keluarlah suatu proklamasi yang menyatakan bahawa Palestin adalah tanah air dan hak mutlak orang-orang Yahudi. Pada ketika itu datanglah satu rombongan wakil daripada negara-negara di dunia. Mereka tidak mempercayai atas proklamasi yang dikeluarkan oleh kerajaan Inggeris itu. Untuk menyelesaikan soal ini, maka suatu permesyuaratan dijalankan oleh wakil-wakil negara-negara dunia yang datang itu dengan kerajaan Inggeris. Keputusannya kerajaan Inggeris diberi kuasa untuk menaungi negeri Palestin. Kemudian dengan kekuasaan yang ada di tangannya ia memberikan kekuasaan supaya orang-orang Yahudi yang telah bermastautin di negeri itu mengadakan perwakilan bangsa Yahudi di dalam pemerintahan dengan alasan demi untuk melaksanakan dasar proklamasi tersebut.

Dari sejak itu sedikit demi sedikit berhijrahlah orang-orang Yahudi dari seluruh pelusuk dunia ke bumi Palestin dan bermastautinlah mereka di sana. Dalam masa 30 tahun sahaja

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah *atheism*.

## Seruan Pope Paul.

nisbah orang Yahudi yang telah menduduki bumi Palestin lebih daripada 30%. Langkah yang telah diambil oleh kerajaan Inggeris memasukkan orang-orang Yahudi dengan sebanyak-banyaknya ke bumi Palestin hak mutlak kepunyaan orang-orang Arab yang beragama Islam itu, adalah mengandungi tujuan permusuhan yang paling keji. Kemudian dijalankan pula rancangan-rancangan lain yang lebih kejam dan lebih berbahaya daripada yang lalu. Amerika dapat mempengaruhi Bangsa-bangsa Bersatu mengeluarkan satu keputusan mengakui sebahagian daripada bumi Palestin yang dirampas sebagai tanah air orang-orang Yahudi yang sah di sisi undang-undang dunia dan mendirikan sebuah kerajaan Israel yang diiktiraf oleh sebahagian besar daripada negara-negara Eropah.

Hasil daripada keputusan yang zalim itu bumi Palestin – sebahagian daripada tanah suci orang-orang Islam – itu pun dibahagi dua. Orang-orang Yahudi yang nisbah bilangannya hanya 33% daripada penduduk negeri itu mendapat 55% bahagian, sedang orang-orang Arab yang nisbah bilangan penduduknya 67% hanya diberikan 45% bahagian. Meskipun demikian orang-orang Yahudi yang bersifat tamak itu masih tidak berpuas hati dengan pembahagian tersebut. Dengan secara kekerasan mereka terus merampas hak kepunyaan orang-orang Arab, sehingga jumlah bumi Palestin yang dikuasainya meningkat kepada 77%. Ini pun mereka belum puas juga,

kemudian mereka mengambil langkah yang lebih kejam, beratus-ratus ribu penduduk-penduduk Arab yang mempunyai hak di Palestin lantas diusir seperti anjing dari rumahtangga mereka. Harta benda mereka dirampas dan di mana-mana yang degil mempertahankan hak milik mereka terus dibunuh, rumahtangga mereka dibakar dan kebun halaman mereka dirompak.

Inilah dia Israel . . . Inilah dia sifat orang-orang Yahudi . . . Dan inilah dia sejarah kotor terdirinya kerajaan Israel. Adakah ada di antara manusia yang mendakwa diri mereka cintakan keamanan, cintakan keadilan dan bersifat amanah sanggup menyatakan: Bahawa Israel itu adalah suatu kerajaan yang diakui sah didirikan dengan cara yang adil dan terhormat? Malahan wujudnya kerajaan Israel adalah mencetuskan api permusuhan yang membahayakan keamanan dunia.

Sikap kezaliman dan permusuhan bangsa Yahudi yang lebih membahayakan ialah mereka tidak pernah merasa cukup dengan segala apa yang telah mereka perolehi dengan secara haram itu, mereka masih tidak berpuas hati tinggal tetap di dalam kawasan yang telah mereka rampas dengan secara kekerasan itu. Malahan mereka mahu yang lain lagi. Oleh itu tidak hairan sejak dua tahun yang lalu dengan suara yang lantang mereka mengiklankan kepada dunia seluruhnya, bahawa tanah air mereka yang sebenarnya ialah dari “Sungai Nil” hingga “ke Sungai Furat”. Atau dengan lain perkataan, mereka mendakwa bahawa bangsa Yahudi adalah suatu bangsa yang sentiasa bercita-cita tinggi dan

berani berjuang demi untuk mencapai sesuatu cita-cita yang mereka idami.

Sikap permusuhan yang hendak mereka lakukan itu ialah dengan jalan menguasai seluruh kawasan yang mereka idam-idamkan itu dan mengusir bumiputera asalnya dengan secara kejam, di samping itu mereka akan mengisi bumi-bumi yang telah dirampas itu dengan orang-orang Yahudi yang datang dari seluruh pelusuk alam.

Peperangan yang telah dilancarkan oleh orang-orang Yahudi pada 5 haribulan Jun 1967 yang lalu adalah merupakan langkah permulaan bagi mempraktikkan semangat permusuhan yang telah direncanakan itu, yang mana di dalam pencerobohan itu tentera-tentera Israel yang bersifat kejam dan ganas itu itu berjaya pula merampas hampir-hampir 26 ribu batu persegi tanah-tanah hak kepunyaan orang-orang Arab. (Termasuk tanah suci Islam Baitul Maqdis di mana terletaknya Masjidil Aqsa kiblat orang Muslimin yang pertama – P.).

Alam Kristianlah yang bertanggungjawab di atas pencerobohan yang sekejap ini. Merekalah yang menjadi tulang belakang hingga terbentuknya sebuah negara baru yang dikuasai penuh oleh orang-orang asing yang mendatang, sedang penduduk asalnya yang bersifat tenang dan penyabar itu terus-menerus ditindas dan diperkosa. Merekalah yang membentuk tanah rampasan itu menjadi sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat. Merekalah yang menghulurkan segala bantuan yang berupa kewangan dan senjata-senjata peperangan kepada kerajaan yang

## Seruan Pope Paul.

mengamalkan dasar permusuhan sesama umat manusia, hingga mereka berjaya melaksanakan segala cita-cita kotor yang dirancang itu dengan secara meluas. Oleh itu tidaklah hairan kalau kita lihat seluruh alam Kritian hari ini bertempik bersorak kegembiraan lantaran kerajaan haram yang mereka bentuk itu mendapat kemenangan.

Adakah tuan menganggap – selepas berlakunya kejadian-kejadian tersebut – bahawa orang-orang Islam di seluruh dunia masih mempercayai di atas keadilan, kejujuran dan ketinggian akhlak orang-orang Kristian, serta melepaskan mereka itu daripada tuduhan-tuduhan bersifat dendam, benci dan memusuhi agama Islam dan orang-orang Muslimin? Apa pendapat tuan dalam soal ini, adakah dengan jalan dan cara-cara yang seganas ini tuan fikir boleh mewujudkan keamanan dunia? Oleh yang demikian wajiblah di atas tuan – bukan di atas kami – memberi peringatan dan menanamkan semangat kesedaran kepada penganut-penganut Kristian supaya mereka mengubah sikap daripada melakukan jiwa mereka daripada melakukan perbuatan-perbuatan durjana yang terkeluar daripada batasan peri kemanusiaan itu.

4. Di sana saya dapati suatu sikap pencerobohan yang sumber terbitnya daripada fikiran tuan sendiri, sekalipun saya menyangka bahawa sikap pencerobohan yang tuan anjurkan itu terbitnya dari niat hati tuan yang baik. Tetapi tuan tidak menyedari bahawa anjuran tuan yang tuan anggap baik dan

berfaedah untuk mewujudkan keamanan itu, pada hakikatnya adalah merupakan suatu “pencerobohan” secara hormat tetapi lebih membahayakan.

Sikap pencerobohan secara hormat yang saya maksudkan itu ialah anjuran tuan supaya Bait-ul Maqdis lama (*Al-Quds al-Qadimah*) keseluruhannya dijadikan sebuah kawasan antarabangsa. Barangkali tujuan tuan menganjurkan perkara tersebut semata-mata untuk memelihara keselamatan kota suci itu daripada menjadi rebutan dan mangsa peperangan. Tetapi di sebalik anjuran tuan itu pada hakikatnya terselindung suatu sikap pencerobohan secara hormat. Tegasnya dengan secara langsung, pengawasan antarabangsa yang akan menjalankan tugas menaungi kota suci Islam itu akan terserah di bawah kekuasaan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah membentuk kerajaan Israel dan mengakuinya sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Ini akan membukakan peluang yang lebih luas kepada Israel untuk meneruskan sikap permusuhan dan pencerobohnya. Kalau pencerobohan ini berlaku kelak, maka ia akan menimbulkan kesan-kesan yang lebih buruk dan keamanan dunia yang diidam-idamkan oleh seluruh manusia itu akan terus terancam.

Jika kota suci Islam yang bersejarah itu dikendalikan oleh suatu badan pengawas Bangsa-bangsa Bersatu, maka sudah tentu – tidak syak lagi – akan terbukalah kedua-dua daun pintunya untuk dimasuki oleh orang-orang Yahudi yang berhijrah ke sana, sebagaimana yang telah terjadi sewaktu orang-orang Inggeris yang diwakili oleh

negara-negara dunia menjadi penaung negeri Palestin pada masa yang lampau.

Setelah itu akan bermaharajalelah orang-orang Yahudi menikmati kemakmuran bumi Palestin yang subur itu, mereka akan diberi hak untuk memiliki tanah dan membina bangunan di tengah-tengah kota suci Islam yang menjadi hak mutlak seluruh kaum Muslimin. Perkara yang akan berlaku ini telah pun terjadi di tanah besar Palestin pada masa kerajaan Inggeris diberikan kuasa untuk menaungi negeri itu.

Saya percaya kalau anjuran tuan yang dianggap berbahaya itu dilaksanakan, maka dalam masa yang singkat sahaja kota suci Islam tempat diperanakkan para *anbiya'* – termasuk Saiyidina Isa ibn Maryam *'alayhā al-salām* – akan bertukar corak menjadi sebuah kota yang dikuasai oleh orang-orang Yahudi yang bersifat biadab tidak menghormati kesucian agama-agama yang diturunkan Tuhan – termasuk agama Kristian dan agama Islam.

Saya meminta maaf kepada tuan di atas jawapan saya yang panjang lebar dan berterus terang berhubung dengan surat tuan yang berupa suatu seruan bagi mencari jalan menuju ke arah perpaduan bangsa untuk mewujudkan keamanan dunia itu. Saya memandang berat dan merasa berkewajipan untuk mengemukakan pendapat-pendapat saya yang bebas dalam soal mencari sebab-sebab yang utama mengapa sebuah dunia yang diliputi oleh suasana aman damai tak dapat diwujudkan oleh seluruh manusia

Sambungannya di muka (46)